



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 23 BILANGAN 38

RABU 20HB. SEPTEMBER, 1978.

رابو 17 شوال 1398

PERCHUMA




KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei ketika bertitah di-majlis tersebut.

BAGINDA HARGAI KHIDMAT CHEMERLANG P'JAYA TINGGI BRITISH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Di-Istana Darul Hana, pada malam hari Isnin lepas, satu majlis perpisahan bagi Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang J. A. Davidson yang menamatkan tempoh perkhidmatan-nya di-Brunei, telah di-adakan dengan di-hadiri oleh kerabat2 Diraja, pembesar2 negara, ahli2 majlis2 mashuarat dan ketua2 jabatan Kerajaan.

Dalam titah di-majlis itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah menzahirkan penghargaan Baginda terhadap Tuan Yang Terutama itu atas perkhidmatan2 chemerlang yang telah di-berikan-nya kepada Brunei di-sepanjang hampir2 empat tahun berada di-negeri ini.



TUAN Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang J. A. Davidson ketika berucap.

Baginda berharap agar perhubungan2 muhibbah dan persahabatan yang erat yang telah terjalin di-antara Brunei dan United Kingdom akan dipereratkan lagi dalam tahun2 yang akan datang.

Baginda bertitah bahawa selain dari menjalankan tugas rasmi, sahabat Baginda itu juga telah menunjangkan kechen-derongan yang tulus ikhlas tentang lain2 hal berkenaan dengan perkembangan dan kehidupan rakyat Baginda.

Antara kegiatan2 Tuan Yang Terutama itu yang di-hargai oleh Baginda Yang Dipertuan ia-lah atas usaha-nya mengenai suatu penerbitan karangan hasil daripada kajian yang telah di-buat oleh sahabat Baginda itu dalam bidang sejarah matawang Brunei.

Baginda penoh perchaya bahawa Tuan Yang Terutama itu akan terus mengambil perhatian terhadap hal-ehwal Brunei.

Dalam ucapan singkat-nya dengan menggunakan Bahasa

Melayu yang mudah, Tuan Yang Terutama itu menyembahkan terima kasih-nya kepada Baginda Yang Dipertuan dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan yang juga hadir di-majlis itu serta kerabat Diraja atas layanan2 ikhlas yang di-terima-nya di-sepanjang empat tahun berkhidmat di-Brunei.

Tempoh waktu itu di-sifatkan-nya sa-bagai satu waktu yang memberikan kegembiraan kepada-nya dan isteri-nya yang akan senantiasa menjadi ingatan mereka.

Tuan Yang Terutama itu menyembahkan yang ia akan sentiasa ingat terhadap negeri Brunei sambil mengharapakan agar Brunei akan menikmati apa yang paling baik untuk negeri dan Sultan serta kerabat Diraja.

Ada-lah di-fahamkan bahawa Tuan Yang Terutama itu dan isteri-nya di-jangka akan meninggalkan Brunei dalam minggu ini.

Perubahan sikap perlu dalam menjayakan bidang pertanian

SUNGAI LIANG. —Perubahan sikap dari semua pihak terutama kepada petani2 dan penternak2 samada yang bergiat sa-penoh masa atau sa-paroh masa dalam bidang pertanian ada-lah penting dalam menjayakan usaha tersebut di-negeri ini di-samping ada-nya dasar pertanian yang baik serta galakan dan bantuan yang mencukupi.

Berucap merasmikan Pertunjukan Pertanian Daerah Belait pada hari Ahad yang lalu, Pengarah Perjawatan Dato Setia Awang Abdul Rahman berkata, perubahan sikap demikian patut-lah kita tanamkan kepada anak2 kita dengan perasaan ingin berbakti kepada Bumi Brunei Darussalam.

"Kita tidak rela mereka yang mewarisi ini kelak akan hanya teringat kesah buah jering apabila mengidap penyakit kencing manis atau teringatkan paya pemadian apabila beras dari Siam tidak masuk lagi", tegas Dato Setia Awang Abdul Rahman mengingatkan.

Dato Setia Awang Abdul Rahman menambah kata, bahawa dengan ada-nya perubahan sikap itu usaha pertanian di-negeri ini akan kembali semula sa-bagai salah satu chara untuk kita mencari kehidupan yang lumayan dan halal.

"Dalam usaha kita mengembalikan masyarakat dan negara kita ka-perengkat kegemilangan-nya, ada-lah perlu untuk kita menilai dan perlu untuk kita mencari jalan agar titek pertemuan di-antara yang baharu dan yang lama dapat kita adakan", jelas beliau.

"Untuk itu pertanian sa-bagai yang tertua dalam tamaddun manusia, patut-lah kita

usai untuk kebaikan kita, kerana kalau kita benar2 menyedari akan hakikat kebaikan-nya tentu-lah kita akan berjaya juga.

"Negeri kita yang sa-memangnya mempunyai tanah yang subur, tetapi maseh terdapat lagi mereka yang sa-patut-nya bergiat mengusahakan tanah yang subur ini telah meninggalkan usaha tersebut dan berhijrah ka-bandar2 untuk makan gaji", tegas beliau.

Dengan ada-nya keadaan demikian kata beliau, suasana padi di-durong, sayor di-belakang rumah dan itek ayam direban turut menerima perubahan dan berganti dengan keadaan yang berlainan chorak.

"Tetapi sebalak-nya kalau anak2 muda kita yang berkelulusan sampai tingkatan tiga bahkan yang tinggi daripada itu lagi mahu berbakti kepada bumi seperti sa-bakti orang2 tua kita dahulu, saya perchaya kegemilangan yang kita lihat pada pertunjukan hari ini akan meliputi hari2 yang lain juga di-sepanjang tahun", kata-nya menaruh keyakinan.

Dato Setia sa-terus-nya menjelaskan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menerusi Jabatan Pertanian mempunyai dasar2 tertentu mengenai usaha pertanian di-negeri ini, kerana itu Kerajaan Baginda akan sentiasa menggalakkan dan memberi bantuan di-dalam usaha yang berkebakikan ini.

Pertunjukan yang berlangsung di-Steshen Pertanian Sungai Liang itu di-adakan bersempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan ke-32 tahun.



Pengiran Ismail.



Awang Othman.

Di-naikkan pangkat

BANDAR SERI BEGAWAN. —Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperkenankan kenaikan pangkat dua orang Jurutera yang berkhidmat dengan Jabatan Kerja Raya.

Pengiran Ismail bin Pg Damit telah di-naikkan pangkat menjadi Timbalan Pengarah Kerja Raya dan Awang Othman bin Haji Yaakub di-naikkan pangkat menjadi Penolong Pengarah Kerja Raya.

Pengiran Ismail sa-belum itu bertugas sa-bagai Jurutera Pembinaan sementara Awang Othman ia-lah Jurutera Kerja Kanan.

Kenaikan pangkat bagi kedua2 orang pegawai itu bermula pada 9hb Ogos, 1978.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi, Awang J. A. Davidson ketika hadir di-Majlis Santapan Perpisahan pada malam Isnin yang lalu.



Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

20HB SEPTEMBER, 1978

KUALITI DAN KALIBER

ADA-LAH PENTING

SESUNGGUH-NYA sa-bagai sa-buah negara yang maseh muda dan sedang giat mengator langkah di-berbagai projek pembangunan yang berkebakikan untuk seluroh raayat negeri ini, kita tentu-nya menyedari akan kekurangan yang ada pada kita, terutama dalam memiliki tenaga2 yang benar2 berkemahiran dalam melaksanakan semua aspek pembangunan itu tadi dalam arus negara dan bangsa kita menuju taraf kemerdekaan dan kedaulatan-nya.

Kerana itu dalam melipat-gandakan usaha dan tenaga sapertimana yang di-hasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam titah di-hari puja usia Baginda yang lalu, rasa-nya ada-lah wajar hasrat demikian sa-bahagian-nya terpikul di-setiap bahu penuntut yang maseh dalam pengajian-nya ketika ini untuk sama2 menanai-nya.

Dalam bidang pelajaran, kita tidak dapat menafikan yang Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sesungguh-nya telah, sedang dan semakin giat dengan tidak kendur2-nya mengusahakan bidang yang berkebakikan ini pada mendapatkan tenaga2 berkemahiran untuk melaksanakan semua aspek pembangunan negara kita.

Untuk itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika bertitah di-majlis keshukoran sempena puja usia Baginda yang di-adakan oleh Persatuan Penuntut2 Brunei di-UK baru2 ini, mengingatkan biarpun telah banyak penuntut2 di-negeri ini di-hantar ka-seberang laut untuk menuntut di-berbagai bidang kelulusan dan kelayakan dan sa-bahagian-nya telah berjaya mencapai kelulusan yang di-perlukan, namun apa yang di-hajati oleh Negeri Brunei bukan-lah sahaja jumlah mereka yang lulus itu di-perlukan, malah yang penting, tegas Baginda, ia-lah kualiti dan kaliber mereka.

Di-samping itu Baginda telah juga menekankan, dalam mempraktikkan kelulusan dan kelayakan yang telah di-chapai itu harus-lah juga ia-nya di-gimbari dengan latehan dan pengalaman, kerana itu Kerajaan Baginda menyedari bahawa di-samping menghantar penuntut2 untuk mencapai kelulusan dan kelayakan, juga menghantar pegawai2 dan kaki-tangan Kerajaan Baginda di-berbagai kursus seberang laut dengan tujuan meluaskan pengalaman serta memperoleh kecekapan di-berbagai bidang pekerjaan.

Sa-bagai sa-buah negara yang menjunjung tinggi kesucian moral dan ajaran Islam sa-bagai teras kehidupan masyarakat Brunei, Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya mengingatkan, kelayakan dan pengalaman belum lagi menchukopi jika ia tidak di-salati dengan kejujuran serta taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Kerajaan Baginda. Sebab itu mereka perlu-lah jujur dalam melaksanakan perkara2 yang berkebakikan dan kerana Allah jua.

Meneliti dari isi titah itu, kita sa-bagai raayat, terutama bagi sa-orang pelajar yang di-hantar dengan biaya Kerajaan, perlu-lah menanamkan suatu semangat yang kuat dan penoh azam yang pelajar2 tidak akan mensia2kan kehendak2 yang di-hasratkan.

Tempoh lima tahun dari sekarang hingga tahun 1983, bukan-lah suatu tempoh yang lanjut untuk kita mengator persediaan pada menchukopi dan memenuhi kehendak2 kemerdekaan itu. Kerana itu ada-lah wajar dari sekarang, kita bersedia untuk memenohi hasrat kemerdekaan, sebab untuk mencapai kemerdekaan ada-lah merupakan suatu perkara yang mudah, tetapi untuk mengisi kemerdekaan —lebeh rumit dari menchapai-nya.

Kita tidak mahu apabila tiba saat kemerdekaan itu nanti, ada orang yang hanya goyang kaki dan menunggu rezeki dari kemerdekaan itu. Apa-lah erti-nya kemerdekaan untuk kita, jika tidak mahu berjuang untuk mengisi-nya.

Jangan tanya apa sumbangan negara kepada diri mu, tetapi tanya-lah apa sumbangan mu kepada negara! Demikian kata sa-orang negarawan dunia.



PEJABAT Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan Kuala Belait telah berpindah ka-bangunan yang terletak di-Jalan Bunga Rambai.

Bangunan tersebut telah di-gunakan oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan sa-belum ia-nya di-serah-

kan kepada Bahagian Penerangan.

Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain telah menyerahkan kunci bangunan tersebut kepada Pegawai Pentad-

bir Bahagian Penerangan, Awang Zainal bin Haji Momin (gambar atas) pada hari Isnin minggu lalu.

Pejabat Kebajikan, Belia dan Sokan sekarang di-tempatkan di-Bangunan Rumah Sakit Lama di-Kuala Belait.

Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula pada 14hb September, 1978.

BANDAR SERI BEGAWAN

1. LADA KERING — \$2.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—

- (a) Chop Chin Seng, No. 17, Jalan Chevalier.
- (b) Lam Seng, No. 3, Jalan McArthur.

2. KACHANG TANAH — \$1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—

- Chop Chin Seng, No. 107, Jalan Chevalier.

3. GARAM HALUS (Phoenix Brand) — 20 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai2 berikut:—

- (a) Teck Bee, No. 106, Bangunan Guru2 Melayu.
- (b) Leong Soon Huat, No. 1, Jalan McArthur.
- (c) A. Muthian, No. 9, Jalan McArthur.

KUALA BELAIT

1. LADA KERING — \$3.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—

- (a) Kok Kee, No. 60, Jalan Pretty.
- (b) Ng Ming Hong, No. E, Bangunan Dewan Perdagangan China.

2. KACHANG TANAH — \$1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—

- (a) Yick Yuen, No. 3, Jalan Pretty.
- (b) Seng Hup Hin, No. 30, Jalan Pretty.
- (c) Fon Soon, No. 60-A, Jalan Pretty.

- (d) Chop Hwa Min, No. B, Bangunan Dewan Perdagangan China.

3. GARAM HALUS (Phoenix Brand) — 20 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai2 berikut:—

- (a) Choo Seng, No. 20, Jalan Pretty.
- (b) Guan Heng, No. 30-B, Jalan Sungai.

SERIA

1. LADA KERING — \$3.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—

- Chop Yick Hoe, No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.

2. KACHANG TANAH — \$1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—

- (a) Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
- (b) Chop Yick Hoe, No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.
- (c) Hudson Company, No. 31, Jalan Sultan Omar Ali.

- (d) Hui Guan, No. 48-B, Jalan Bunga Kuning.

- (e) Chop Giap Hin, No. 49-B, Jalan Bunga Kuning.

- (f) Chop Kim Huat, No. 53, Jalan Bunga Kuning.

- (g) Siong Yick, No. 54, Jalan Bunga Kuning.

- (h) Sim Fatt Hin, Jalan Bunga Kenanga.

3. GARAM HALUS (Phoenix Brand) — 20 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai2 berikut:—

- Chop Thiam Heng, No. 42, Jalan Bunga Melor.

Ujian Amali

S. A. P.

Perengkat 'O'

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ketua Jabatan Lembaga Peperiksaan Brunei telah menetapkan tempat dan tarikh bagi Ujian Amali bagi Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Singapura-Cambridge 'O' Level (Aliran Melayu) 1978.

Menurut jadual yang telah di-tetapkan Ujian Amali Pertukangan Kayu, Jahitan dan Membuat Pakaian akan di-adakan di-Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah Sains, Jalan Muara.

Ujian Amali Pertukangan Kayu akan di-adakan pada hari Selasa 10hb Oktober, 1978 manakala Ujian Amali Jahitan dan Membuat Pakaian akan di-adakan pada hari Jumaat 3hb November, 1978. Ujian2 tersebut akan bermula pada jam 8.30 pagi.

Ketua Jabatan Lembaga Peperiksaan meminta Pengetua Maktab/Sekolah yang berkenaan atau guru2 pengawas masing2 bagi matapelajaran tersebut supaya memberitahu kepada penuntut2 yang akan mengambil ujian itu.

Penyampaian tali

pinggang Judo

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Laila Jasa Awang C.T. Miller akan menyampaikan talipinggang Judo dan sijil2 kepada 30 orang rekrut lelaki Polis Diraja Brunei pada hari Sabtu 23hb September mulai jam 11.00 pagi bertempat di-Pusat Latehan Polis di-Jalan Muara.

Sa-hingga ini, sa-jumlah 1,893 talipinggang Judo termasuk beberapa talipinggang hitam, kuning dan hijau telah di-berikan kepada anggota Polis Diraja Brunei.

Suntikan chegh

penyakit champak

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perubatan dan Kesihatan telah memulakan kempen suntikan sa-chara besar2an bagi menchegh penyakit champak. Kempen yang bermula pada hari Isnin itu akan berjalan sa-lama tiga bulan.

Dalam masa kempen tersebut, rombongan penyuntik akan memberikan suntikan kepada kanak2 yang berumur 14 tahun ka-bawah di-semua klinik kebajikan kanak2 dan sekolah2 di-negeri ini.

Kempen tersebut bertujuan untuk mengurangkan kes penyakit champak.

Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak

bagi 25hb hingga 30hb Sept. 1978

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Sungai Hanching	25.9.1978	Isnin	3.00- 4.00 petang
Berhadapan Kedai, Pekan Muara	25.9.1978	Isnin	4.30- 5.30 "
Sekolah Ingeris Berakas (Bhg. Menengah)	26.9.1978	Selasa	9.15-10.15 pagi
Sekolah Melayu Anggerek Desa	26.9.1978	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis	27.9.1978	Rabu	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Pengkalan Batu	27.9.1978	Rabu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Masin	27.9.1978	Rabu	11.00-12.00 T/Hari
Sekolah Melayu Birau	30.9.1978	Sabtu	1.30- 2.30 petang
Sekolah Melayu Kiudang	30.9.1978	Sabtu	2.45- 3.45 "
Sekolah Melayu Lamunin	30.9.1978	Sabtu	4.00- 5.00 "

BRUNEI TO HAVE EARTH SATELLITE NEXT YEAR

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Government last week signed an agreement with the Australian division of the American-based Harris International Telecommunications Corporation for the construction of an earth satellite ground station at Telisai. The agreement was signed by the Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dapa Negara Pengiran Abdul Momin for the Government and Mr. J.P. Silvermail for the Corporation at a ceremony held at the State Secretariat Conference Room here.

The ground station which is part of a complex Telecommunications Development Project is expected to cost some sixteen and a half million dollars. Scheduled to become operational within a year, it will enable Brunei to have direct telephone and telex links with Singapore, Hong Kong and the United Kingdom. Television programmes can also be received from overseas via the station.

Under the agreement the Corporation will also be responsible for the operation and maintenance of the satellite station during the first two years of service.

During this period local staff will be trained on the equipment and gradually take over responsibility for its operation.

The Crown Agents, consulting engineers for the project, will supervise the construction and installation of equipment.

Agriculture Shows

SUNGAI LIANG. — The Belait District held its annual agricultural show at the Agriculture Station here on Sunday.

The show was declared open by the Director of Establishment, Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohammad Taib.

Earlier the Director of Agriculture, Awang R.B. Woodroffe and the Belait District Agriculture Officer, Awang Yap Sook Kiat, who was also the Chairman of the Show, spoke about the significance of holding the show.

It was divided into seven sections namely cereals, vegetables, fruits, crop plantations, poultry, cookery and handicraft.

Prizes awarded to the first four winners in each section were cash which totalled more than three thousand and three hundred dollars, shields and trophies. The best cattle breeder in the district was also awarded a young calf.

Converts celebrate Hari Raya

BANGAR. — About two hundred Islamic converts in the Temburong District gathered at the Utama Mohammad Salleh Mosque here last week to celebrate the Hari Raya.

The celebration was organised by the Temburong District Religious Affairs Department and included Koran reading and presentation of gifts to the converts.

The gathering was attended by among others the Acting Temburong District Officer, Awang Abdul Aziz bin Mohammad and the Deputy State Religious Affairs Officer, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim and other senior religious affairs officials.



Fourteen for courses overseas

BANDAR SERI BEGAWAN. — Nine staff of the Education Department left the State last week to take up courses in Singapore and the United Kingdom.

Of the nine, seven went to the United Kingdom and they included the Deputy Director of Education, Awang Abdul Razak Haji Muhammad, who will pursue a Master's Degree in Education at the Birmingham University where he will be during the one-year course.

The other six were Abdul Halim Othman, Othman Lakim and Abu Bakar OKSD Mohd Salleh, all teachers, who will take up Diploma courses in Educational Studies at the Newcastle University; Alias Mohd Hassan, a Lab Assistant, who will study for his Certificate in Science Laboratory at the Hands-worth Technical College; Awang Wasli bin Minggu, a Senior Library Assistant, who will attend a course leading to a Diploma in Librarianships and Red-zuan Abdullah, a teacher, who will pursue a Bachelor's Degree in Education.

The two that left for Singapore were Baba Arshad and Makbar Puting, both teachers, at the Curriculum Development Centre, who will be attached to the Singapore Ministry of Education during the course.

Another five will also be leaving for the United Kingdom in the next few days.

They are Ismi Ahmad, Principal of the Muda Hashim Malay School, Fabian Ho Hock Kheng, an Assistant Lecturer at the Sultan Hassanah Bolkliah Teachers College, Pengiran Mustapha Pengiran Metassan, Scholarships Officer, and Zainal Abidin Haji Muhammad, a teacher at the Curriculum Development Centre, all of whom will be pursuing Bachelor's degree courses in educational philosophy; and Damit Ibrahim, a Lecturer at the Teachers College, who will be doing a Diploma course in Education at the London University.

THE British High Commissioner, Mr. James Davidson, accompanied by the Director of Welfare, Youth and Sports, Pehin Jawatan Luar Pckerna Raja Dato Setia Awg Haji Hussain, being introduced to the participants in the Duke of Edinburgh Award Scheme at the Berakas English School last week.

Later Mr. Davidson presented bronze medals to Awangku Mohd Noor bin Pengiran Haji Mohidi, Majid bin Ibrahim, Ishak bin Yusof, Aziz bin Latif and Johari bin Dato Mat Noor.

Environment essay contest

BANDAR SERI BEGAWAN. — Two students of the Anthony Abell College in Seria, Awang Alias Othman and Dayang Valerie De Cruz respectively won first places in the Malay and English sections in the Environment Essay Competition organised by the Lions Club.

Second in the Malay section was Dayang Norafidha Borsani and third was Joseph Lim, both from the St. Andrew's School here.

In the English section, Jennie Wong of the Sixth Form Centre was second while the third prize was shared jointly by Ronald Samuel of the Sufri Bolkliah English School, Tutong and Simon Yu of the St. Andrew's School here.

The President of the Lions Club, Mr. Jimmy Hong, presented cash prizes to the winners at a ceremony held at the Churchill Memorial Lecture Room here last week.

The competition attracted a total of forty-seven entries which were judged by the Principal of the SMJA School, Awang Hisham bin Haji Mohammad Sum and the Head of the English Section at the Muda Hashim Secondary School, Tutong, Awang Richard Pettit.

Local among Gold Medallists

BANDAR SERI BEGAWAN. — Two local photographers, Wilson T.K. Lai and Shim Geat Leong each won a gold medal for their entries in the slides section in the Fifth Brunei South East Asian Salon of Photography held at the exhibition room of the Language and Literature Bureau here last week.

Wilson T.K. Lai and Shim Geat Leong also won the best local entry awards in the colour prints and slides sections respectively.

Another local photographer, Kenneth K.S. Mah, won the best local entry in the mono prints sections.

They are among some thirty photographers who won gold medals and best entry awards in the competition which was organised by the Photographic Society of Brunei in honour of His Highness the Sultan's thirty-second birthday.

Altogether eight hundred and seventy-seven slides, mono chrome prints and colour prints were submitted by one hundred and sixty photographers from fourteen countries including Australia, Macau, Hong Kong and the Philippines.

About three hundred and twenty-five of the slides and prints will be on display at the same venue for ten days commencing on November 4.

They are among some thirty photographers who won gold medals and best entry awards in the competition which was organised by the Photographic Society of Brunei in honour of His Highness the Sultan's thirty-second birthday.

Another local photographer, Kenneth K.S. Mah, won the best local entry in the mono prints sections.

They are among some thirty photographers who won gold medals and best entry awards in the competition which was organised by the Photographic Society of Brunei in honour of His Highness the Sultan's thirty-second birthday.

The celebration was organised by the Temburong District Religious Affairs Department and included Koran reading and presentation of gifts to the converts.

The gathering was attended by among others the Acting Temburong District Officer, Awang Abdul Aziz bin Mohammad and the Deputy State Religious Affairs Officer, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim and other senior religious affairs officials.

Traffic games for Primary Schools

SERIA. — The Brunei Shell Petroleum Company will hold another traffic games competition for primary schoolchildren in the Brunei Muara District on September 24.

The competition will take place in Bandar Seri Begawan with some twenty-nine primary Malay and English schools in the district scheduled to take part.

The first four winners will represent the district at the State-level competition which will also be held in Bandar Seri Begawan next month.



SEEN at last week's judging from left to right are the Chairman of the Salon Photography, Haji Kamaluddin PDP Haji Abu Bakar, Mr. Peter Wee from Kuching, Mr. Kouo Shang Wei from Singapore and artist Salleh Ibrahim, a member of the organising committee. (Picture by Daud Haji Timbang of Museum).

SAYA akhiri mengenai masjid ini dengan menchatetkan di-sini rumusan2 yang telah di-ambil oleh Persidangan Islam Asia Yang Pertama mengenai-nya, ia itu:

1. Persidangan meng-alu2kan dengan hangat segala rumusan dan keputusan yang telah di-ambil oleh Majlis Tertinggi Sa-Dunia bagi masjid2, yang telah bersidang di-Mekah Al-Mukarramah buat kali kelima-nya berturut2. Demikian juga Persidangan menyatakan penghargaan dan puas hati-nya atas hasil2 yang telah di-chapai hingga hari ini, sa-laras dengan kehendak pehak2 yang berkenaan dalam dunia Islam mengenai masjid, ia-itu menjadikan masjid sa-bagai pusat dakwah dan penyebaran ilmu pengetahuan.

2. Persidangan juga mendesak kepada Majlis Tertinggi Sa-Dunia bagi masjid2, supaya mengadakan pusat latehan untuk Imam2 masjid di-negeri2 Islam dan negeri2 bukan Islam, di-mana terdapat golongan minoriti orang2 Islam seperti di-Filipina dan Thailand.

3. Persidangan ada-lah menchadang supaya ditubuhkan satu Tabong Kebajikan masjid yang ditadbir oleh satu jawatankuasa, yang akan bertanggung-jawab mengendalikan segala muslihat kebajikan dan risalah masjid.

4. Persidangan juga berchadang supaya di-ambil perhatian berat untuk mengadakan khutubkhanah2 Islam di-masjid2, supaya dengan itu orang2 Islam akan berpeluang mempelajari dan membena semangat keislaman-nya yang tulin melalui pembachaan.

Dan ada satu lagi rumusan yang menarek mengenai masjid pernah di-ambil dalam Persidangan Islam bagi Negeri2 Amerika Selatan dan Caribbean di-Port of Spain, Trinidad pada 11hb hingga 13hb Shawal, 1397 bersamaan 24hb hingga 26hb September, 1977. Rumusan2 tersebut banyak berupa chadangan2 yang agak tersendiri, yang barangkali jarang2 kita pernah mendengar-nya. Oleh kerana itu, saya suka memetik-nya di-sini ia-itu:

RISALAH MASJID

(The Message of Masjid)

1. Hendak-lah di-gunakan perkataan *masjid* dalam bahasa asal-nya, bahasa Arab, untuk menggantikan sebarang penggunaan kata2 asing yang lain bagi men-

MASJID TEMPAT MEMANCHARKAN 'AQIDAH, PETUNJOK DAN AKHLAK YANG TERPUJI

terjemahkan maksud masjid, supaya dengan itu sebutan *masjid* akan menjadi sebutan antara bangsa di-antara bahasa2 di-dunia.

2. Patut-lah di-bentok sebuah Jawatankuasa Pusat bagi menyelaraskan aktiviti2 yang berchorak keislaman dalam semua masjid2 di-Amerika Selatan dan Caribbean. Jawatankuasa ini akan di-anggotai oleh jawatankuasa2 masjid2 setempat. Ia juga hendaklah bertanggung-jawab bagi mendirikan masjid2 di-kawasan2 yang ada orang Islam tetapi tidak ada masjid di-dalam-nya.

3. Hendak-lah Imam2 masjid itu terdiri daripada ahli2 ilmu pengetahuan, khusus-nya pengetahuan dalam bidang dakwah Islamiyah, dan mereka itu ia-lah orang2 yang mempunyai akhlak yang terpuji. Di-samping itu persidangan juga menyokong chadangan mengenai hendak meninggikan lagi kemampuan Imam2 dan Khatib2 dalam perkara kebudayaan dan hukum Islam, serta membekalkan kepada mereka itu chontoh2 khutbah dan pelajaran yang bermutu, yang bersandarkan ayat2 Al-Kor'an dan Hadith Nabi.

4. Imam2 itu juga hendaklah melateh pembantu2-nya yang akan membantu mereka menjalankan kerja2 pada masa2 ketiadaan mereka, atau dalam masa2 yang mendesak yakni dharurat.

5. Persidangan menchadangkan supaya Imam2 di-kawasan ini membentok majlis-nya sendiri bagi membincang perkara2 hukum Islam dan dakwah.

Demikian-lah, rumusan2 tersebut di-atas antara lain menekankan perkara2 dakwah, ilmu pengetahuan dan akhlak yang baik, ia-itu suatu tanda bahawa rumusan2 itu di-buat oleh ahli2 chendekiawan Islam yang benar2 tahu dan memahami fungsi masjid sa-bagai tempat *memancharkan 'aqidah, pertunjuk dan*

akhlak yang terpuji.

Menurut Prof. As-Sheikh Mahmoud Shaltut dalam buku-nya *Islam 'Aqidah Wa Shari'ah*, ugama Islam itu mempunyai beberapa cabang asasi yang bersifat *taklifiah* (kewajipan), yang di-anggap sa-bagai dasar utama bagi sa-seorang itu boleh di-namakan Muslim sejati, ia-itu: (1) Cabang 'aqidah, yakni perchaya kepada Allah, kepada Malai-kat-Nya, Kitab2-Nya, Rasul2-Nya dan Hari Akhirat serta cabang ibadat mendekatkan diri kepada-Nya. Pada waktu yang sama, ibadat merupakan santapan kepada 'aqidah mengukuhkan dan menumbuhkan-nya sa-bagai suatu sistem dalam kehidupan Muslim. (2) Cabang tuntutan dalam lingkungan antara manusia yang di-ikat oleh amal2 kebajikan sa-sama mereka, dan (3) ia-lah cabang *akhlak* sa-bagai jaminan dan sumber untuk mendapatkan manafa't daripada kedua2 cabang tersebut di-atas.

Ini dapat di-buktikan dengan chara meneliti sejarah ugama2 Tuhan dalam semua period keadaan, bahawa kebahagiaan yang mahu di-chapai melalui shari'at2 itu, hanya-lah boleh di-perolehi dengan chara berpegang tegoh kepada akhlak yang baik. Tanpa ini tidak akan berhasil. Keimanan yang hanya semata2 berbentok pengetahuan, ibadat yang hanya semata2 berupa sikap dan gerak geri dan tata-tertib yang hanya dalam bentok undang2 dan hukum2 yang tersimpan di-dalam dada sahaja, belum-lah mencukupi, andai-nya tidak ada hubungan chara langsung dengan sifat2 akhlak yang baik.

Akhlak ia-lah sendi ugama, dan sifat-nya yang betul bukan-lah sa-takat mengetahui bahawa kebenaran itu ada-lah benar dan dan mulia kedustaan itu hina, atau sekadar mengetahui bahawa keikhlasan ada-lah sa-suatu yang

oleh2 dari
PERSIDANGAN ISLAM
ASIA YANG PERTAMA



Siri ketujuh

agong dan tipu daya puncha kehanchoran, bukan sa-takat itu sahaja. Ia bukan sa-takat "chakap2", bukan hanya untok di-ketahui, tetapi adapun akhlak yang di-tuntut oleh Islam ia-lah reaksi jiwa dan pengarah-nya terhadap pendirian—apa yang patut di-lakukan, maka ia kita lakukan, dan apa yang tidak patut di-lakukan, maka ia kita tolak.

Akhlak dengan pengertian ini-lah, baru dapat di-jadikan benteng bagi pelaksanaan shari'at, tempat bertahan orang2 yang ingin menjadi Muslim sejati. 'Aqidah tanpa akhlak adalah ibarat pohon tanpa buah. Sebab itu-lah soal akhlak ini sangat2 di-perhatikan oleh Islam, sehingga Nabi sendiri menjadikan-nya sa-bagai pokok risalah-nya, sa-bagaimana maksud Hadith: "*Sesungguhnya aku di-utus untok menyempurnakan akhlak manusia.*" Dan maksud hadith lain: "*Sa-suatu yang paling berat dalam timbangan pada hari kiamat ia-lah taqwa kepada Allah dan akhlak yang baik.*"

Pada suatu hari datang sa-orang lelaki kepada Baginda Rasulullah dan orang itu berdiri di-hadapan-nya lalu bertanya: "*Apa-kah ugama itu wahai Rasulullah? Baginda menjawab: Akhlak yang baik. Sa-lepas itu lelaki tersebut berdiri pula di-sebelah kanan Rasul dan menanyakan lagi soal tersebut, dan jawapan Baginda seperti di-atas: Akhlak yang baik. Sa-telah itu lelaki itu beraleh di-sebelah kiri Rasul dan kemudian di-sebelah belakang, dan menanyakan lagi soal tersebut, dan jawapan Rasulullah ada-lah itu-itu juga.*"

Alang-kah berat-nya hukuman yang di-jatuhkan oleh Rasulullah terhadap perempuan sa-waktu Baginda di-beri tahu: Bahawa sa-orang perempuan berpuasa di-siang hari, melakukan ibadat di-malam hari, sedang akhlak-nya bu-

rok, ia menyakiti hati jiran tetangga-nya dengan lidah-nya. Maka Rasulullah bersabda: *Tidak ada yang baik pada perempuan itu. Ia ada-lah golongan penghuni neraka.*

Alang-kah berat, tuan! Berat sekali hukuman yang di-jatuhkan terhadap orang2 yang berugama, yang mulut-nya kumat-kamit membacha tasbih, banyak mengenai fadzilat, mengenai ibadat dan sa-bagai-nya, sedang hati-nya kotor, bersalut dengan tipu daya dan munafik. Ia meranchangkan kejahatan2, merosak hubungan manusia dengan lidah-nya, dengan jalan merobah-robah kenyataan yang sa-benar-nya, menyumbatkan kebohongan dalam ucapan-nya dan menyembunyikan hal2 yang dapat mengokohkan adanya sa-suatu kehidupan mulia.

Demikian-lah dalam bidang akhlak ini, orang2 ugama, para shuhada dan orang2 saleh ada-lah mengambil tempat sa-bagai imam, pemberi pertunjuk dan tuntunan. Di-bawah naongan akhlak ini, jiwa manusia dapat di-bersehdan dari kebencian, dendam, dengki dan kemunafikan, dari sifat2 penakut, pembong, pengkhianat dan lain2 bentok akhlak yang burok, yang seringkali menutup usaha2 kebajikan dan perbaikan ka-arrah kehidupan yang sempurna.

Tegas-nya, perbaikan bathin ada-lah dasar bagi perbaikan dzahir. Dan perbaikan dzahir itu, tidak akan kekal kechuali ia di-lakukan sa-chara terpusat dari perbaikan bathin. Ajaran ugama dari segi akhlak chukop menjadi jaminan untok perbaikan bathin. Rasulullah dalam hal ini memberi isyarat dengan maksud ucapan-nya: "*Bahawa di-dalam tuboh manusia itu ada sa-gumpal darah, bila darah tersebut baik maka akan baik-lah seluruh tuboh, dan bila darah itu rosak maka akan rosak-lah seluruh tuboh, dan darah itu tidak lain ia-lah HATI.*"

(BERSAMBONG)

BERCHAKAP BAIK ADA-LAH IMAN DAN PENYELAMAT INSAN

KHUTBAH JUMAAT



DALAM masa kita men- hendaklah ia diam. Sabda Baginda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: "Sesiapa jua yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, hendaklah ia berchakap dalam perkara kebaikan atau hendaklah ia diam dari berkata2".

Maksud hadith di atas menghendaki, supaya setiap orang mu'min itu tidak akan di-bawa oleh lidahnya kepada perkara2 yang sia2 dan tidak berfaedah, kerana berchakap perkara2 yang tidak berfaedah itu banyak mendatangkan bahaya, baik kepada si-pemilik lidah itu sendiri, mahu pun kepada orang lain di luar diri-nya. Bahaya lidah yang paling terang ia-lah menaborkan fitnah, sedang fitnah itu lebih besar bahayanya dari pembunuhan, sa-bagaimana ayat Al-Koran dalam Surah Al-

Daerah lidah itu sangatlah luas, dan paling mudah pula di-gerakkan. Jalan-nya amat pantas dan laju, sebab itu-lah ia perlu di-beri sempadan. Kalau tidak ia akan merempoh kamana jua ia suka, dengan tidak mengira adat dan hukum, undang2 dan tata-susila. Kerana itu ia perlu di-ikat, di-ikat dengan tali yang kukuh, tali takwa, supaya ia tidak sampai terlanjur dan di-pergunakan untuk mengotori segala rupa perchakapan. Ia perlu di-beri latehan2 supaya tidak terjerumus kepada perkara2 yang merosakkan. Ia perlu di-kenalkan kepada dua kaedah yang di-tunjuk oleh Nabi, ia-itu hanya berchakap dalam perkara kebaikan, dan jika tidak,

RALAT

DALAM ruang satu, para kedua keluaran Khutbah Jumaat minggu lalu tulisan jawi yang di-tulis sa-benarnya ia-lah

تقرب اليه
dan bukan
تقرب الله

Atas kesilapan ini Sidang Pengarang minta maaf.



TIMBALAN Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Awg Haji Yahya bin Haji Ibrahim ketika menyampaikan ucapan di-majlis tersebut. — Gambar JHEU.

KASEH SAYANG KUNCHI PERPADUAN

SA-TIAP insan yang ingin memerlukan hidup harmoni bermasyarakat patutlah menanamkan perasaan kasih sayang di-lubok hati mereka. Dengan itu juga kita akan sentiasa hidup dengan tolong menolong dan bantu membantu antara satu dengan yang lain, bagaikan 'Aur dengan tebing'.

Kasih sayang ada-lah kunchi kepada perpaduan. Ia boleh menyatukan sa-seorang dengan sa-seorang yang lain, satu keluarga dengan keluarga yang lain dan seterusnya. Ia selalu-nya lahir dari lubok hati yang puteh bersih dan suci-murni. Ia bukan-nya di-buat2 ataupun sengkaja di-ada2kan. Kalau-lah ia di-ada2kan saja ia bukan-lah bernama kasih sayang tetapi ada-lah sa-bagai suatu perangkap untuk me-muaskan hawa nafsu semata2.

Perasaan kasih sayang ini ada-lah salah satu dari iman, yang mana akan menghilangkan berbagai penyakit, termasuk-lah penyakit hasad dengki, dendam kesumat dan sebagai-nya. Tapi sa-belum kita me-mberikan dan menghulorkan

perasaan kasih sayang ini kepada orang lain perlu-lah dulu kita mengasehi dan menyayangi diri kita sendiri, kerana kalau kita tahu menghargai dan menilai kasih sayang itu pada diri kita sendiri, sudah tentu pula kita tahu menjaga perasaan orang lain. Sa-buah hadith yang di-riwayatkan oleh Shaikhkan daripada Anas r.a. yang bermaksud kira2: "Tidak beriman sa-seorang kamu sa-hingga dia kasehkan saudara-nya sa-bagaimana kaseh-nya kepada diri sendiri." Jadi jelas-lah kepada kita bahawa perasaan kasih sayang ini perlu di-tanamkan, sa-hinggakan ia ada-lah di-anggap sa-bagai iman.

Dalam sa-buah hadith yang lain yang di-riwayatkan oleh Imam Muslim dari-lah Abi Hurairah r.a. yang bermaksud kira2: "Kamu tidak akan masuk shurga sa-hingga kamu beriman sa-hingga kamu berkaseh-kasehan. Adakah tidak aku tunjukkan kamu sa-suatu? Bila kamu kerjakan, kamu akan berkaseh-kasehan? Ia-lah sebarikan salam di-kalangan kamu."

Jadi berpandukan kepada hadith ini, dapat-lah kita mengatakan bahawa Rasulullah s.a.w. telah menunjuk-jakkan kepada kita, sa-bagai umat-nya, satu rahsia yang paling senang di-laksanakan untuk menuju ka-shurga. Ia-itu menyebarkan salam dengan seluas2-nya, di-kalangan umat Islam, berkaseh sayang sama sendiri dan keimanan yang mendalam.

Apabila saja kita telah berada di-alam berkaseh sayang, maka serba serbi kita akan rasa kenekmatan dan kebahagiaan hidup. Tidak ada lagi istilah susah dan dukachita di-dalam kamus hidup kita, kerana kalau kita baru 'menjangkau' apa saja chorak kesusahan, ada2 saja pertolongan datang dari saudara2 kita. Begitu juga sa-balek-nya, kita akan

Bingkisan minggu ini

rela menolong orang2 yang memerlukan pertolongan. Sa-telah perasaan kasih sayang ini telah bersemi, maka kita akan chepat terasa akan sa-suatu. Ataupun dengan lain perkataan, jiwa dan perasaan kita begitu 'sensitif' untuk menerima sa-suatu. Ini dapat di-bayangkan di-dalam sa-buah hadith yang di-riwayatkan oleh Shaikhkan daripada Nu'man bin Bashir r.a. yang bermaksud kira2: "Perumpamaan orang Mu'min dalam perchintaan, berke-sehan dan kemesraan, mereka ada-lah seperti sa-batang tuboh. Bila salah satu dari anggota merinteh kesakitan, segala anggota lain akan turut sama berjaga dan de-mam".

Jadi, untuk mengelakkan dan menjauhkan diri dari keretakan dan kerenggangan dalam istilah berkaseh sayang ini, yang utama kita harus-lah menanamkan sikap tahu bertimbang rasa, faham memahami, mahu bertolak ansor antara satu dengan yang lain. Juga kita mesti-lah tahu menghargai dan menilai sa-suatu yang patut dan tahu pula meng-ambil dan menjaga hati sa-seorang itu. Bukan itu saja, malah diri sendiri juga perlu di-awasi. Segala gerak laku mesti-lah jangan melanggar tatasusila dan perinsip2 keugamaan, yang mana nanti akan menimbulkan reaksi yang kurang baik. Sa-telah semua-nya berjalan dengan baik dan lancar, maka tidak-lah akan timbul orang2 yang berputus asa, putus harapan atau seterusnya berdukachita. Malahan akan terjalin-lah kemesraan yang erat sejati yang penoh dengan perpaduan.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 20hb September, 1978 hingga ka-hari Selasa 26hb September, 1978 ada-lah seperti di-bawah ini: —

Hari	Bulan	Dzuhr	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
20hb Sept	12.21	3.37	6.25	7.38	4.39	4.54	6.10	
21hb Sept	12.19	3.36	6.23	7.35	4.37	4.52	6.09	
22hb Sept	12.19	3.36	6.23	7.35	4.37	4.52	6.09	
23hb Sept	12.19	3.36	6.23	7.35	4.37	4.52	6.09	
24hb Sept	12.19	3.36	6.23	7.35	4.37	4.52	6.09	
25hb Sept	12.19	3.36	6.23	7.35	4.37	4.52	6.09	
26hb Sept	12.18	3.35	6.21	7.33	4.36	4.51	6.08	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

MAJLIS RAMAH MESRA HARI RAYA

MAJLIS ramah mesra saudara2 baru di-Daerah Temburong sempena sambutan Hari Raya Aidil Fitri tahun ini telah di-adakan di-Dewan Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar pada 10hb September yang lalu.

Antara achara2-nya termasuk-lah ucapan2 oleh Pemangku Kadzi Daerah Temburong Pengiran Badaruddin bin Pg. Haji Damit, ucapan oleh wakil saudara2 baru Awang Mohd Hashim bin Abdullah dan Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim yang juga telah menyampaikan ucapan nasehat di-majlis itu.

Turut hadir di-majlis itu ia-lah Pemangku Pegawai Daerah Temburong Awang Abdul Aziz bin Mohammad, Pegawai2 Ugama dan Pegawai2 Kerajaan. Majlis hari itu di-akhiri dengan penyampaian chenderamata kepada saudara2 baru.



DI-ANTARA saudara2 baru yang hadir di-majlis tersebut. — Gambar JHEU.

PEPEREKSAAN BAHASA INGGERIS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peperiksaan bahasa Inggeris bagi pelajar2 kelas dewasa akan diadakan pada akhir Oktober dan awal Nobember depan di-seluruh negeri.

Peperiksaan tersebut yang akan di-jalankan dalam tiga bahagian — bertulis, renchana dan lisan akan di-untukkan bagi semua kelas rendah dan menengah.

Peperiksaan bertulis akan di-mulakan pada hari Selasa, 7hb Nobember bagi kelas rendah II; 8hb Nobember bagi kelas2 rendah

IV dan Tingkatan I manakala pada 9hb Nobember bagi kelas2 rendah VI dan tingkatan II. Semua peperiksaan akan mula di-jalankan antara jam 5.30 petang hingga 7.00 malam.

Peperiksaan sa-chara renchana hanya akan di-jalankan kepada penuntut2 tingkatan I dan II ia-itu sa-tengah jam sebelum peperiksaan bertulis di-mulakan.

Bagaimana pun bagi penuntut2 yang akan menduduki peperiksaan itu di-kelas2 rendah II, IV dan VI serta tingkatan I dan

II, peperiksaan lisan akan bermula pada 24hb, 25hb dan 26hb Oktober ini akan di-jalankan ketika kelas2 pelajaran dewasa di-mulakan.

Tamat latehan

JALAN MUARA. — Saramai 30 orang lagi rekrut lelaki Pulis Diraja Brunei akan menamatkan latehan awal bulan depan. Sa-bagai menandakan tamat-nya latehan sa-lama enam bulan itu, satu upacara perbarisan tamat latehan akan di-adakan pada hari Isnin 2hb Oktober jam 7.45 pagi.

Di-samping 30 orang rekrut itu, sa-ramai 200 orang anggota Pulis dan pancharagam Pulis Diraja juga akan mengambil bahagian dalam perbarisan tersebut.

Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Md Salleh bin Haji Hidup akan diberi penghormatan untuk memereksa dan menerima tabek kehormatan dalam upacara perbarisan itu nanti.

Penyampaian hadiah

PENYAMPAIAN hadiah kepada pemenang2 dalam peraduan mengarang renchana anjoran Kelab Lion Brunei telah di-adakan di-Bilik Kuliah Bangunan Peringatan Churchill pada hari Jumaat lalu. Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Dipertua Kelab, Awang Jimmy Hong.

Peraduan menulis renchana yang bertajuk Masalah Alam Sekitar di-Brunei itu di-anjurkan bersempena Hari Alam Sekitar Sa-Dunia.

Gambar bawah menunjukan penuntut2 yang berjaya dalam peraduan tersebut menerima hadiah. Pengenalan gambar (dari kiri) Dayang Jeanie Wong, Awang Joseph Lim, Awang Simon Yu, Dayang Norafidah binte Borsani, Awang Alias bin Othman, Dayang Valarie De Cruz dan Awang Ronald Simuel.

Pemereksaan ka-atas alat2 sukatan dan timbangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemereksaan ka-atas alat2 perkakas sukatan dan timbangan bagi tahun 1979 akan bermula awal bulan depan.

Menurut jadual yang telah di-buat oleh Bahagian Sukatan dan Timbangan, pemereksaan ka-atas alat2 sukatan dan timbangan bagi Daerah Brunei/Muara akan di-jalankan di-Bahagian Sukatan dan Timbangan, Jalan Tutong mulai 1hb Oktober hingga 31hb Disember.

Pemereksaan bagi alat2 sukatan dan timbangan di-Daerah Belait juga akan di-mulakan pada 1hb Oktober hingga 31hb Disember bertempat di-Bekas Rumah Sakit Lama Kuala Belait.

Pemilik alat2 sukatan dan timbangan di-Daerah Tutong ada-lah di-kehendaki membawa alat2 sukatan dan timbangan mereka untuk di-pereksa ka-rumah Kerajaan Kelas 'B', No 50 Bukit Bendera mulai 1hb Nobember hingga 12hb Nobember.

Pemereksaan bagi alat2 sukatan dan timbangan di-Daerah Temburong akan di-jalankan di-Rumah Peringgahan Bangar mulai 14hb Nobember hingga 21hb Nobember, 1978.

Buku2 Setem bagi hadiah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Buku2 Setem Bagi Hadiah yang mengandungi satu set setem2 tetap sekarang sedang di-jual di-semua Pejabat2 Pos di-seluruh negeri.

Buku setem itu mengandungi setem2 yang berharga dari 4 sen hingga \$10.00 dan mempunyai keterangan ringkas mengenai pengeluaran-nya untuk pengumpul setem. Harga bagi sa-buah beserta dengan sampul surat khas ialah \$23.09.

Muka hadapan buku itu di-hiasi dengan gambar berwarna Masjid Omar Ali Saifuddin dan di-sebelah belakang-nya pula gambar pemandangan Kampong Ayer.



AWANG Wilson T.K. Lai dengan gambar berwarna-nya bertajuk 'Sunday Morning' yang telah terpilih sa-bagai peserta tempatan yang terbaik dalam bahagian gambar berwarna.

Dua peserta tempatan memenangi Pingat Emas

BANDAR SERI BEGAWAN.—Dua orang peserta tempatan, Awang Wilson T.K. Lai dari Radio Talishen Brunei dan Awang Shim Geat Leong dari Setia masing2 memenangi Pingat Emas dalam Peraduan Fotografi Salon Asia Tenggara dalam bahagian slide berwarna.

Awang Wilson dan Awang Shim juga telah berjaya memenangi hadiah terbaik bagi peserta2 tempatan dalam bahagian gambar berwarna dan slide berwarna.

Sa-orang lagi peserta tempatan, Awang Kenneth K.S. Mah berjaya memenangi hadiah terbaik bagi peserta2 tempatan dalam bahagian gambar hitam putih.

Peserta yang memenangi dalam bahagian slide diperengkat Asia Tenggara ia-lah Awang Liew Teck Wah dari Negeri Thai dengan slide-nya bertajuk 'Fight'.

'Try and Try Again' yang di-kirinkan oleh Awg T. Angsin dari Filipina mendapat hadiah terbaik dalam bahagian gambar hitam putih manakala Dr. Leo K.K. Wong dari Hong Kong dengan gambar-

nya bertajuk "Brightness Ahead" memenangi hadiah terbaik dalam bahagian gambar berwarna.

Penghakiman peraduan tersebut telah di-langsungkan di-Bilik Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka di-sini pada minggu lalu.

Sa-banyak 877 keping gambar berwarna, hitam putih dan slide telah di-hakimkan pada hari itu, tetapi hanya 325 keping sahaja layak untuk di-pamerkan yang akan di-

adakan dalam bulan Nobember akan datang. Gambar tersebut telah di-hasilkan oleh 160 orang peserta dari 14 buah negara di-kawasan Asia Tenggara termasuk Australia, Macao, Hong Kong dan Filipina.

Pameran yang di-anjurkan oleh Persatuan Fotografi Brunei di-adakan bersempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei ke-32 tahun.

Jadual menyembor DDT

BANDAR SERI BEGAWAN.—Rombongan2 penyembor ubat DDT dan penyelidik penyakit malaria dari Jabatan Kesihatan akan menjalankan penyemboran dan penyelidikan di-beberapa buah kampung di-Daerah Tutong.

Menurut jadual yang telah di-ator bagi bulan ini, rombongan penyembor itu akan menyembor di-Kampung2 Long Tadion pada 21hb September, Pk. Panchor pada 23hb September, Merimbun pada 25hb September, Talat pada 26hb September, Pak Bidang pada 27hb September dan Pitou Lambang

di-sebutkan. Pegawai Perumatan dan Kesihatan meminta kerjasama dari penduduk2 kampung yang berkenaan apabila rombongan tersebut melawat kampung2 yang di-sebutkan.



RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

RABU - 20HB. SEPT.

PETANG

- 2.00 DRAMA—The Tragedy of Macbeth
4.15 MUSICAL INTERLUDE
5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 STAR TREK "Space Seed"
6.23 AZAN MAGHRIB
6.29 STAR TREK — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 RICH MAN POOR MAN — Episod kesepuluh. Wesley yang berada dalam kesusahan mendapati Diane sa-bagai "teman yang menyenangkan" sementara Charles Estep bekerja sama dengan Falconetti dalam chubaa-n-nya untuk memusnahkan Rudy Jordache.
7.38 AZAN ISHA
7.42 RICH MAN POOR MAN — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 PENUNTUT DI-U.K.
